

Media Sosial: Agen Pembangunan atau Keruntuhan Etika Remaja?

Social Media: A Catalyst for Ethical Development or Moral Decay among Youth?

Shahidah Hamzah^{1,2}, Nurul Aimi Razali¹, Muhammad Helmy Sabtu¹,
Nazreena Mohammed Yasin¹, Ahmad Faris Naqiyuddin Mohd Ghazi¹

¹ Pusat Pengajian Umum dan KoKurikulum

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400, Parit Raja, Batu Pahat, MALAYSIA

² Institut Transformasi dan Pembangunan Wilayah

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400, Parit Raja, Batu Pahat, MALAYSIA

*Pengarang Utama: shahidahh@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2025.06.02.003>

Maklumat Artikel

Diserah: 08 Jun 2025

Diterima: 28 Julai 2025

Diterbitkan: 05 Disember 2025

Kata Kunci

Media Sosial, Remaja, Etika,
Pengaruh, Pembangunan Moral

Abstrak

Kajian ini meneliti pengaruh media sosial terhadap perubahan etika dalam kalangan remaja di Malaysia, dengan tumpuan khusus kepada pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Kampus Cawangan Pagoh. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan etika, serta kesan positif dan negatif penggunaan media sosial terhadap pembentukan nilai moral remaja. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk deskriptif digunakan, melibatkan 210 responden yang dipilih secara rawak. Hasil kajian menunjukkan bahawa platform seperti TikTok, Instagram dan YouTube memberikan pengaruh besar terhadap cara pemikiran, tingkah laku serta gaya hidup remaja, terutamanya melalui kandungan hiburan dan trend viral. Walaupun media sosial menyumbang kepada peningkatan literasi digital dan kesedaran sosial, kajian mendapati kandungan yang tidak tapis serta pengaruh rakan sebaya dan influencer menjadi antara penyumbang utama kepada kemerosotan etika. Oleh itu, pendidikan literasi digital dan pemantauan penggunaan media sosial amat penting bagi memastikan media sosial dapat dimanfaatkan sebagai agen pembangunan, bukan keruntuhan etika remaja.

Keywords

Social media, Youth, Ethics, Influence,
Moral Development

Abstract

This study explores the impact of social media on ethical changes among Malaysian youth, with a specific focus on students at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Pagoh Campus. The main objective is to identify the factors contributing to ethical shifts and assess both the positive and negative effects of social media usage on the moral development of adolescents. A quantitative approach with a descriptive design was employed, involving 210 randomly selected respondents. Findings indicate that platforms such as TikTok, Instagram, and YouTube

significantly influence young people's thinking patterns, behaviours, and lifestyles—mainly through entertainment content and viral trends. While social media enhances digital literacy and social awareness, unfiltered content and peer or influencer influence are among the key contributors to ethical erosion. Thus, digital literacy education and supervised usage are crucial to ensure that social media serves as a tool for ethical development rather than moral decline.

1. Pendahuluan

Media sosial kini memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat moden, khususnya golongan remaja. Perkembangan teknologi komunikasi telah mempercepatkan perubahan cara manusia berinteraksi, mendapatkan maklumat, dan meluahkan pandangan. Di Malaysia, media sosial digunakan secara meluas, menjadikan negara ini antara pengguna paling aktif di dunia dengan purata penggunaan tujuh hingga lapan jam sehari (Harian Metro, 2023). Aplikasi seperti TikTok, Instagram, YouTube dan WhatsApp bukan sahaja menjadi alat hiburan, malah telah menjadi sebahagian daripada budaya remaja.

Golongan remaja merupakan kelompok yang paling mudah terdedah kepada pengaruh media sosial. Hal ini kerana mereka berada dalam fasa perkembangan identiti diri, di mana nilai dan etika sedang dibentuk dan diuji. Menurut Shaari dan Kamaluddin (2019), remaja mudah terpengaruh dengan kandungan yang tidak beretika seperti bahasa kasar, buli siber dan gaya hidup bebas yang banyak dipaparkan di media sosial. Pendedahan berterusan terhadap kandungan sebegini boleh membentuk tingkah laku yang menyimpang daripada norma masyarakat.

Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada perubahan etika remaja ialah pengaruh rakan sebaya dan selebriti maya atau *influencer*. Remaja cenderung meniru tingkah laku idola mereka, terutama apabila konten yang dikongsi berkisar tentang trend semasa, gaya hidup mewah, atau tindakan provokatif yang mendapat banyak perhatian (Putra et al., 2023). Kebergantungan kepada pengiktirafan dalam talian dan keinginan untuk menjadi tular sering menyebabkan remaja mengabaikan pertimbangan moral dalam tindakan mereka.

Tambahan pula, kajian menunjukkan bahawa media sosial menjadi saluran utama penyebaran maklumat yang tidak tapis. Kandungan berunsur lucu, berita palsu, ideologi ekstrem dan propaganda politik boleh diakses dengan mudah oleh remaja (Lofgren-Martenson & Mansson, 2010). Pendedahan kepada kandungan yang tidak sesuai ini bukan sahaja menggugat perkembangan nilai-nilai murni, malah boleh merangsang kelakuan agresif, keliru dan tidak stabil dari segi emosi serta sosial. Namun begitu, media sosial juga mempunyai potensi besar dalam membina etika dan kesedaran sosial dalam kalangan remaja jika digunakan secara positif. Platform seperti YouTube dan Instagram turut menyediakan kandungan pendidikan, kempen kesihatan mental, isu alam sekitar, serta aktiviti sukarelawan yang boleh menyemai nilai murni (Sari, 2019). Remaja yang terdedah kepada kandungan membina ini lebih cenderung mengembangkan pemikiran kritikal dan empati sosial.

Dalam konteks ini, peranan institusi pendidikan dan keluarga sangat penting. Ibu bapa dan guru perlu memainkan peranan sebagai pemantau serta pembimbing dalam penggunaan media sosial oleh remaja. Menurut Syed Mohammad Hilmi et al. (2022), kawalan sendiri, bimbingan agama dan pendidikan nilai amat diperlukan bagi memastikan media sosial menjadi alat pembangunan akhlak, bukan sebaliknya. Tanpa kawalan yang seimbang, media sosial boleh berubah daripada alat komunikasi kepada punca keruntuhan nilai.

Penting juga untuk diberi perhatian bahawa etika tidak hanya terbina dalam bilik darjah, tetapi turut terbentuk melalui interaksi maya. Dalam era digital ini, etika digital menjadi sebahagian daripada cabang moral yang mesti diberi perhatian. Menurut Ruzian et al. (2019), literasi media yang baik akan membolehkan remaja menilai dan menapis maklumat secara kritikal, sekali gus mengelakkan penyalahgunaan platform digital.

Kajian oleh Takdir dan Fauziah (2024) menunjukkan bahawa remaja yang tidak dibimbing dalam penggunaan media sosial cenderung menghadapi masalah identiti, rendah harga diri dan kekeliruan moral. Dalam tempoh jangka panjang, perkara ini boleh memberi kesan kepada hubungan sosial, pencapaian akademik, dan kesejahteraan psikologi remaja itu sendiri. Maka, penggunaan media sosial haruslah dipantau bukan dengan kawalan ketat semata-mata, tetapi melalui pendekatan pendidikan yang membina kesedaran sendiri.

Oleh itu, penting untuk memahami sejauh mana media sosial berperanan dalam membentuk atau meruntuhkan etika remaja. Kajian ini dijalankan bagi meneliti faktor-faktor yang mendorong perubahan etika remaja dalam kalangan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Kampus Pagoh, serta kesan kandungan dan platform yang digunakan. Dapatan ini diharap dapat membantu pihak berkepentingan menggubal strategi intervensi yang efektif dalam mendidik remaja tentang penggunaan media sosial secara bertanggungjawab.

Kesimpulannya, media sosial bukanlah semata-mata penyebab kepada keruntuhan etika, tetapi ia menjadi cerminan kepada nilai-nilai yang dipupuk dalam masyarakat. Sekiranya digunakan secara bijak dan beretika, media sosial berpotensi menjadi agen pembangunan akhlak dan sahsiah remaja. Namun jika disalah guna, ia boleh menjadi faktor utama dalam kemerosotan nilai dan identiti generasi muda.

2. Sorotan Literatur

2.1 Media Sosial dan Remaja: Akses dan Pengaruh Awal

Media sosial telah menjadi sebahagian penting dalam kehidupan remaja masa kini. Ketersediaan peranti mudah alih dan akses internet yang meluas telah menggalakkan penggunaan platform seperti TikTok, Instagram, Facebook dan YouTube dalam kalangan remaja. Sohana Abdul Hamid (2016) menyatakan bahawa media massa kini bukan hanya menjadi saluran penyampaian maklumat, tetapi turut berperanan membentuk cara berfikir, berinteraksi dan membuat keputusan dalam kalangan generasi muda.

Menurut kajian oleh Harian Metro (2023), Malaysia merupakan antara negara dengan kadar penggunaan media sosial tertinggi di dunia, iaitu sekitar tujuh hingga lapan jam sehari. Perkara ini menunjukkan betapa signifikannya media sosial dalam membentuk norma sosial remaja Malaysia.

2.2 Jenis Kandungan dan Kesan terhadap Etika Remaja

Kandungan media sosial yang paling banyak dilihat oleh remaja adalah berbentuk hiburan. Kajian oleh Fazlinda dan Mohammad Siraj (2018) mendapati bahawa kandungan seperti video lucu, muzik dan trend cabaran sering mengandungi unsur tidak bermoral yang boleh mempengaruhi akhlak dan tingkah laku remaja. Kandungan bersifat hedonistik ini disebar secara meluas tanpa tapisan yang ketat, menjadikan remaja mudah terdedah kepada mesej negatif.

Menurut kajian Putra et al. (2023), platform TikTok merupakan medium yang dominan dalam menyebarkan budaya popular yang kurang membina, seperti fesyen ekstrem, cabaran berbahaya dan aksi provokatif. Kandungan seperti ini berupaya mengahakis nilai etika dan kesopanan remaja.

2.3 Pengaruh Rakan Sebaya dan Influencer

Remaja sering melihat *influencer* sebagai model teladan dalam menentukan gaya hidup dan prinsip hidup mereka. *Influencer* berperanan besar dalam mencorakkan norma sosial remaja, malah lebih berpengaruh daripada guru atau ibu bapa dalam sesetengah keadaan (Agianto et al., 2020). Kajian dalam dokumen ini menunjukkan bahawa 77.6% responden terpengaruh oleh rakan sebaya, manakala 71.4% menyatakan bahawa mereka dipengaruhi oleh influencer.

Jadual 1 Faktor-faktor Utama yang Mempengaruhi Remaja dalam Media Sosial

Faktor	Bilangan Responden	Peratus (%)
Rakan Sebaya	163	77.6
Influencer	150	71.4
Kandungan Viral/Trend	134	63.8

Sumber: Kajian Tinjauan Pelajar UTHM Pagoh (2024)

2.4 Ketagihan Media Sosial dan Implikasi Psikososial

Penggunaan media sosial secara berlebihan boleh membawa kepada ketagihan digital. Menurut Abdullah dan Mawaddah (2010), ketagihan ini menyebabkan pelajar mengabaikan tanggungjawab akademik dan keluarga. Ia juga dikaitkan dengan masalah gangguan tidur, tekanan emosi, dan penurunan prestasi pembelajaran. Shaari dan Kamaluddin (2019) pula menunjukkan bahawa media sosial menyumbang kepada peningkatan kes buli siber, yang secara langsung mempengaruhi kesihatan mental dan kestabilan emosi remaja.

2.5 Media Sosial Sebagai Alat Pembangunan Nilai

Walaupun media sosial sering dikritik kerana impaknya yang negatif, terdapat juga potensi positif yang signifikan. Menurut Sari (2019), media sosial dapat meningkatkan literasi digital dan kesedaran sosial dalam kalangan remaja. Platform ini boleh dimanfaatkan untuk menyebarkan nilai positif seperti toleransi, empati, dan kesedaran sivik melalui kempen sosial, pendidikan alam sekitar dan isu kesihatan mental. Sebagai contoh,

kempen “#KitaJagaKita” semasa pandemik COVID-19 berjaya menggerakkan solidariti komuniti yang kuat dalam kalangan anak muda Malaysia melalui media sosial (Rahman et al., 2022).

2.6 Literasi Media dan Peranan Kawalan Sosial

Pendidikan literasi media sangat penting dalam membentuk keupayaan remaja untuk menapis, menilai dan bertindak secara kritis terhadap kandungan yang dikonsumsi. Ruzian et al. (2019) menekankan bahawa literasi perundangan dan etika digital perlu dimasukkan dalam pendidikan formal bagi melahirkan pengguna media yang bijak dan bertanggungjawab.

Syed Mohammad Hilmi et al. (2022) mencadangkan pendekatan kawalan sendiri yang disokong oleh nilai-nilai agama dan budaya tempatan sebagai cara terbaik untuk menyeimbangkan penggunaan media sosial dengan etika kehidupan sebenar. Rajah 1 menggambarkan keseimbangan antara potensi pembangunan dan risiko keruntuhan etika remaja hasil pengaruh media sosial.

Positif		Negatif	
Literasi digital	↑	Etika remaja	↓
Kesedaran sosial	↑	Ketagihan	↑
Kempen Kesihatan mental	↑	Buli siber	↑
Aktivisme komuniti	↑	Trend negatif	↑

Rajah 1 Dua Wajah Media Sosial dalam Kehidupan Remaja

2.7 Teori dan Kerangka Konseptual

2.7.1 Teori Tingkah Laku Terancang

Teori Tingkah Laku Terancang (TPB) oleh Ajzen (1991), yang masih banyak digunakan dan dikembangkan dalam kajian selepas 2020, menerangkan bahawa tingkah laku manusia ditentukan oleh niat, yang dipengaruhi oleh tiga faktor utama:

- Sikap terhadap tingkah laku – bagaimana remaja menilai sesuatu tingkah laku di media sosial (positif atau negatif),
- Norma subjektif – tekanan sosial daripada rakan sebaya, *influencer* dan komuniti dalam talian,
- Kawalan tingkah laku yang dirasakan – sejauh mana remaja merasakan mereka mampu mengawal tindakan mereka di media sosial.

TPB sangat sesuai digunakan dalam kajian ini kerana ia membantu menjelaskan mengapa remaja terlibat dalam tingkah laku tidak beretika di media sosial seperti penyebaran kandungan palsu, meniru trend berbahaya atau menggunakan bahasa kasar (Rahman et al., 2022).

“Remaja yang mempunyai niat tinggi untuk meniru tingkah laku influencer akan lebih mudah bertindak walaupun ia bertentangan dengan norma masyarakat, terutamanya apabila mereka melihat tingkah laku tersebut diterima baik dalam komuniti maya” (Takdir & Fauziah, 2024).


2.7.2 Teori Ekologi Sosial

Model Ekologi Sosial (SEM) (Bronfenbrenner, dikembangkan oleh WHO, CDC) digunakan secara meluas selepas 2020 dalam kajian *digital youth behavior*. Model ini menyatakan bahawa tingkah laku remaja dipengaruhi oleh pelbagai lapisan persekitaran:

- Individu: sikap, nilai, kawalan sendiri
- Interpersonal: pengaruh rakan sebaya dan keluarga
- Komuniti: norma masyarakat dan akses kepada media
- Organisasi: dasar pendidikan, kawalan kandungan
- Polisi dan struktur: undang-undang dan peraturan media sosial

Penggunaan model ini penting dalam memahami bagaimana tingkah laku remaja di media sosial terbentuk secara holistik, bukan sekadar faktor individu semata-mata (Lwin, 2021).

2.7.3 Kerangka Konseptual Terkini



Rajah 2 Kerangka Konseptual Pengaruh Media Sosial terhadap Etika Remaja (berdasarkan TPB & SEM)

2.7.4 Implikasi Kontekstual (Pasca 2020)

Selepas pandemik COVID-19, media sosial menjadi lebih dominan dalam kehidupan remaja. Kajian terkini menunjukkan remaja bukan sahaja pengguna pasif tetapi juga pencipta kandungan (Mayolaika et al., 2021). Oleh itu, kerangka konseptual masa kini perlu mengambil kira aspek agen aktif remaja dalam menyebarkan nilai – sama ada membina atau merosakkan.

3. Metodologi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian deskriptif. Pendekatan ini dipilih bagi mengenal pasti corak, kecenderungan serta tahap pengaruh media sosial terhadap perubahan etika dalam kalangan remaja, khususnya pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Kampus Cawangan Pagoh. Kajian deskriptif membolehkan pengumpulan data secara sistematik untuk menjelaskan fenomena sosial secara objektif (Creswell, 2014).

3.2 Populasi dan Sampel

Populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar di UTHM Kampus Pagoh yang mewakili golongan remaja berumur antara 18 hingga 26 tahun. Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan secara rawak berkelompok. Sebanyak 210 orang responden telah dipilih sebagai sampel kajian. Kriteria pemilihan merangkumi pelajar yang aktif menggunakan media sosial sekurang-kurangnya satu jam sehari dan mempunyai pengalaman berinteraksi dengan kandungan digital secara konsisten.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen utama kajian ini ialah borang soal selidik yang dibina berdasarkan kajian lepas dan disesuaikan mengikut konteks tempatan. Soal selidik tersebut dibahagikan kepada dua bahagian utama:

Jadual 2 Struktur Soal Selidik Kajian

Bahagian	Kandungan	Tujuan
A	Soalan demografi: umur, kategori pengguna (pelajar/penjaga/orang awam), platform media sosial yang digunakan, tempoh penggunaan harian.	Mengenal pasti latar belakang responden dan corak penggunaan media sosial.
B	Lima item utama berkaitan pengaruh media sosial terhadap etika remaja. Skala Likert lima mata digunakan (1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju).	Menilai persepsi responden terhadap tahap pengaruh media sosial dalam membentuk etika.

3.4 Prosedur Pengumpulan Data

Soal selidik ini telah dibangunkan menggunakan *Google Form* dan diedarkan secara dalam talian melalui aplikasi WhatsApp, Telegram dan platform media sosial lain yang sering digunakan oleh pelajar. Responden diminta untuk memberikan jawapan secara sukarela dan anonim.

3.5 Teknik Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif. Skor min digunakan bagi menentukan tahap pengaruh media sosial terhadap etika remaja berdasarkan julat seperti berikut:

Jadual 3 Julat Skor Min yang digunakan dalam kajian

Julat Skor Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Tidak Setuju
1.81 – 2.60	Tidak Setuju
2.61 – 3.40	Kurang Setuju
3.41 – 4.20	Setuju
4.21 – 5.00	Sangat Setuju

Data dianalisis untuk mengenal pasti trend umum serta perbezaan berdasarkan umur, tempoh penggunaan, dan jenis platform media sosial. Hasil analisis digunakan sebagai asas perbincangan dalam melihat hubungan antara penggunaan media sosial dengan perubahan etika remaja.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1 Demografi Responden

Jadual 4 menunjukkan taburan umur dan kategori golongan responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 4 Taburan Umur dan Kategori Golongan Responden

Kategori	Perincian	Peratusan (%)
Umur	18–20 tahun	36.7%
	21–23 tahun	43.8%
	24 tahun ke atas	19.5%
Golongan Masyarakat	Pelajar	73.3%
	Ibu bapa/Penjaga	11.9%
	Orang awam	14.8%

Majoriti responden (43.8%) berumur antara 21 hingga 23 tahun, diikuti oleh golongan berumur 18 hingga 20 tahun (36.7%). Ini menunjukkan bahawa responden terdiri daripada kelompok usia remaja akhir yang sedang

meniti fasa pembentukan jati diri dan nilai (Shaari & Kamaluddin, 2019). Mereka merupakan pengguna aktif media sosial yang terdedah kepada pelbagai kandungan dan pengaruh dalam talian.

Sebahagian besar responden terdiri daripada pelajar (73.3%), sejajar dengan populasi sasaran kajian. Data ini menunjukkan bahawa pelajar universiti merupakan pengguna utama media sosial dan merupakan kumpulan yang paling terdedah kepada pengaruhnya (Wei et al., 2023).

4.2 Corak Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Responden

Jadual 5 menunjukkan taburan corak penggunaan media sosial dalam kalangan responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 5 Corak Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Responden

Aspek	Perincian	Peratusan
Platform Digunakan	TikTok	70.5%
	Instagram	12.9%
	Lain-lain	16.6%
Tempoh Penggunaan Sehari	1-10 jam	82.6%
	11-14 jam	12.1%
	15-24 jam	5.3%

Dapatan menunjukkan bahawa TikTok merupakan platform paling dominan (70.5%) dalam kalangan remaja. Ini bertepatan dengan trend global di mana kandungan berbentuk video pendek lebih mudah menarik perhatian golongan muda (Putra et al., 2023). Walau bagaimanapun, pendedahan berterusan kepada kandungan viral yang tidak ditapis boleh mempengaruhi etika dan norma remaja.

Sebahagian besar responden (82.6%) menghabiskan antara 1 hingga 10 jam sehari di media sosial. Kajian terdahulu menyatakan bahawa tempoh penggunaan melebihi dua jam sehari sudah memadai untuk memberi kesan kepada kesihatan mental dan tingkah laku sosial (Takdir & Fauziah, 2024).

4.3 Pengaruh Media Sosial terhadap Etika Remaja

Jadual 6 menunjukkan taburan pengaruh media sosial terhadap pembentukan nilai etika remaja

Jadual 6 Pengaruh Media Sosial terhadap Etika Remaja

Aspek pengaruh	Perincian	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Tarikan Pembelajaran	Sangat Setuju	108	51.4%
	Setuju	92	43.8%
Pengaruh Pemikiran dan Tindakan	Sangat Setuju	107	51.0%
	Setuju	89	42.4%
	Neutral	13	6.2%
Faktor Pengaruh Dominan	Rakan Sebaya	163	77.6%
	Influencer	150	71.4%
	Kandungan Viral	134	63.8%

Majoriti responden (95.2%) mengakui media sosial membantu mereka mempelajari perkara baharu. Ini menunjukkan sisi positif media sosial dalam meningkatkan literasi digital, namun kandungan pendidikan perlu dipastikan berkualiti dan tidak bercampur unsur negatif (Sari, 2019).

Dapatan ini menunjukkan bahawa lebih 90% remaja menyedari media sosial memberi pengaruh kuat terhadap cara mereka berfikir dan bertindak. Ini menyokong Teori Pembelajaran Sosial Bandura (2001), yang menyatakan bahawa manusia meniru tingkah laku model yang mereka perhatikan, terutamanya jika model tersebut popular dan dikagumi.

Rakan sebaya merupakan faktor pengaruh utama (77.6%), diikuti influencer (71.4%). Ini menunjukkan bahawa norma kumpulan dan pengaruh sosial dalam talian memberi kesan besar terhadap pembentukan etika remaja (Agianto et al., 2020; Mayolaika et al., 2021).

4.4 Obses terhadap Trend dan Kandungan yang Mempengaruhi Etika Remaja

Jadual 7 menunjukkan taburan peratusan reseponden tentang tahap obses terhadap trend dan kandungan yang akan mempengaruhi etika remaja

Jadual 7 Obses terhadap Trend dan Kandungan yang Mempengaruhi Etika Remaja

Aspek pengaruh	Perincian	Peratusan (%)
Obses terhadap Trend Semasa	Sangat Setuju	51.4%
	Setuju	41.9%
Jenis Kandungan yang Mempengaruhi	Hiburan	70.5%
	Lain-lain	29.5%

Sebahagian besar remaja mengakui mereka sangat terpengaruh dengan trend semasa dan kandungan hiburan. Ini membuktikan betapa dominannya elemen visual, muzik, dan cabaran viral dalam mempengaruhi gaya hidup dan keperibadian remaja (Lofgren-Martenson & Mansson, 2010). Sekiranya tidak dikawal, ia boleh menyumbang kepada kemerosotan nilai etika dan budaya tempatan.

5. Kesimpulan dan Implikasi Kajian

Kajian ini telah menganalisis secara komprehensif peranan media sosial sebagai agen yang mempengaruhi pembentukan etika remaja, khususnya dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Berdasarkan dapatan, jelas bahawa media sosial bukan sahaja digunakan untuk tujuan komunikasi dan hiburan, tetapi juga menjadi medium utama yang membentuk pemikiran, nilai, dan tingkah laku remaja. Platform seperti TikTok, Instagram, dan YouTube telah menjadi sebahagian daripada kehidupan harian golongan muda, dan secara tidak langsung mencorakkan pandangan mereka terhadap dunia serta cara mereka bertindak balas terhadap isu-isu sosial.

Sebahagian besar responden menyatakan persetujuan yang tinggi terhadap kenyataan bahawa media sosial membantu mereka memperoleh pengetahuan baharu. Ini menunjukkan bahawa jika digunakan secara bijaksana, media sosial berpotensi menjadi alat pendidikan yang efektif. Namun, pada masa yang sama, pengaruh negatif daripada kandungan hiburan melampau, cabaran viral, serta pengaruh rakan sebaya dan selebriti digital juga dikenal pasti sebagai faktor penyumbang kepada keruntuhan etika dalam kalangan remaja. Tanpa kawalan sendiri dan bimbingan daripada pihak berwajib, remaja mudah terdedah kepada normalisasi tingkah laku tidak beretika seperti penggunaan bahasa kesat, sikap tidak hormat, dan penyebaran maklumat palsu.

Impak daripada dapatan kajian ini membawa kepada beberapa implikasi penting. Pertama, bagi institusi pendidikan, terdapat keperluan mendesak untuk memperkukuh pendidikan nilai dan etika melalui pendekatan yang lebih kontekstual, termasuk integrasi pendidikan literasi media dalam kurikulum. Pendidikan perlu melahirkan generasi celik media yang mampu menilai kesahihan dan kesesuaian kandungan secara kritis.

Kedua, ibu bapa dan penjaga perlu memainkan peranan lebih aktif dalam memantau dan membimbing penggunaan media sosial dalam kalangan anak-anak. Hubungan terbuka antara ibu bapa dan remaja dalam membincangkan isu-isu berkaitan media digital boleh mengurangkan jurang kefahaman dan seterusnya membentuk budaya komunikasi beretika dalam keluarga.

Ketiga, daripada sudut dasar dan perundangan, pembuat dasar perlu memperkemas garis panduan kandungan digital agar lebih responsif terhadap cabaran etika generasi muda. Kerjasama antara kerajaan, platform media sosial, institusi pendidikan dan organisasi masyarakat sivil adalah penting dalam membentuk ekosistem digital yang selamat dan beretika.

Akhir sekali, kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan yang lebih mendalam dalam memahami kesan jangka panjang penggunaan media sosial terhadap nilai dan identiti remaja. Kajian bersifat longitudinal dan eksperimen boleh membantu merangka intervensi yang lebih berkesan serta berasaskan bukti. Kesimpulannya, media sosial tidak semestinya merosakkan etika remaja, tetapi tanpa pendidikan, kawalan dan sokongan yang sewajarnya, ia boleh menjadi agen utama keruntuhan nilai. Sebaliknya, jika ditangani dengan bijaksana, media sosial berpotensi menjadi platform strategik dalam pembangunan sahsiah, jati diri dan etika remaja masa hadapan.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan yang diberi sehingga kajian ini berjaya untuk diterbitkan.

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Penulis

Kajian ini ditulis oleh Shahidah binti Hamzah sebagai penulis utama mulai dari tajuk hinggalah rujukan dan rakan-rakan yang lain turut membantu dalam aspek pengumpulan maklumat dan data kajian.

Rujukan

- Abdullah, T., & Mawaddah, S. (2010). *Pengaruh media elektronik terhadap perilaku remaja*. Penerbit Ilmu Sosial.
- Agianto, R., Setiawati, A., & Firmansyah, R. (2020). Pengaruh media sosial Instagram terhadap gaya hidup dan etika remaja. *Tematik*, 7(2), 130–139.
- Agianto, R., Setiawati, A., & Firmansyah, R. (2020). Pengaruh media sosial Instagram terhadap gaya hidup dan etika remaja. *Tematik*, 7(2), 130–139.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211.
- Bandura, A. (2001). Social cognitive theory of mass communication. *Media Psychology*, 3(3), 265–299.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development*. Harvard University Press.
- Fazlinda, H., & Mohammad Siraj, M. (2018). *Kesan video tidak bermoral di media sosial terhadap remaja*. *Jurnal Psikologi Sosial*, 5(1), 15–26.
- Harian Metro. (2023). *Kandungan media sosial melanggar etika diturunkan*. <https://www.hmetro.com.my>
- Lofgren-Martenson, L., & Mansson, S. A. (2010). Young people, pornography, and sexuality: Sources of attitudes and behaviours. *Journal of Youth Studies*, 13(5), 563–577.
- Lwin, M. O. (2021). Digital resilience: A framework for building ethical and responsible youth online. *International Journal of Media and Communication*, 43(2), 89–104.
- Mayolaika, S., Effendy, V. V., Delvin, C., & Hanif, M. A. (2021). Pengaruh kebebasan berpendapat di sosial media terhadap perubahan etika dan norma remaja Indonesia. *Jurnal Kewarganegaraan*, 5(2), 826–836.
- Putra, D. A., Saputra, N. K., Manengkey, T. A., & Hidayah, S. N. (2023). Pengaruh konten TikTok terhadap perubahan etika remaja. *Manifesto: Jurnal Gagasan Komunikasi, Politik, dan Budaya*, 1(1), 1–6.
- Rahman, S. M. H. S. A., et al. (2022). Pengidentifikasian kajian-kajian berkaitan isu penyalahgunaan media sosial dalam interaksi sosial berasaskan systematic literature review. *International Journal Of Law, Government And Communication*, 7(1), 53–72.
- Ruzian, M., Zainatul Ashiqin, Z., & Nurhidayah, A. F. (2019). Literasi perundangan media baharu dalam kalangan belia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(3), 372–389.
- Sari, S. (2019). Literasi media pada generasi milenial di era digital. *Professional: Jurnal Komunikasi dan Administrasi Publik*, 6(2), 30–42.
- Shaari, A. H., & Kamaluddin, M. R. (2019). Buli siber dan etika media sosial dalam kalangan remaja Malaysia. *e-Bangi Journal*, 16(6).
- Sohana Abdul Hamid. (2016). Media massa dan kesan terhadap etika sosial. *Jurnal Komunikasi Sosial*, 8(2), 112–123.
- Syed Mohammad Hilmi, S. A. R., et al. (2022). Penggunaan media sosial baharu: Isu-isu dan panduan perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, 50(1), 73–96.

Takdir, H., & Fauziah, R. (2024). Analisis dampak media sosial terhadap etika remaja. *Sosio Religius: Jurnal Ilmiah Sosiologi Agama*, 9(1), 163–187.

Wei, I. E. S., Lin, H. S., Pang, L. K., Ching, B. L. J., Zu, C. X., & Kang, N. W. (2023). Pengaruh media sosial terhadap pembentukan akhlak mahasiswa. *Human Sustainability Procedia*, 3(1), 106–121.